

PROFIL SUKARELAWAN BELIA MALAYSIA

SITI RABA'AH HAMZAH, TURIMAN SUANDI & SITI NUR SYUHADA MUSA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil sukarelawan belia Malaysia. Kajian berbentuk kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik. Sejumlah 1,200 orang responden terdiri daripada 708 sukarelawan belia dan 492 sukarelawan baharu belia di seluruh Malaysia yang terlibat dalam kajian ini. Kesemua data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan profil kesukarelawanan belia iaitu faktor demografi: jantina, umur, bangsa, agama, status perkahwinan, tempat dibesarkan, negeri asal, tempat tinggal, jenis kediaman, status pekerjaan dan tahap akademik. Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan reaksi terhadap perkembangan semasa sukarelawan turut menyumbang kepada penglibatan mereka dengan aktiviti sukarela. Faktor tersebut termasuklah sebab utama terlibat, masa mula terlibat, bidang utama penglibatan, kumpulan sasaran kerja sukarela, pemilihan sektor kesukarelawanan, sumber kesedaran untuk terlibat dan sumber maklumat untuk terlibat. Hasil kajian ini mampu memberi sumbangan dalam membantu pihak yang bertanggungjawab untuk merancang strategi bagi menarik lebih ramai sukarelawan berpotensi serta memperkemaskan program dan aktiviti sukarela di Malaysia.

Kata Kunci: profil, sukarelawan, belia, kesukarelawanan, Malaysia

ABSTRACT

The purpose of this study is to identified the profile of Malaysian youth volunteers. The survey was carried out using a questionnaire. A total of 1200 respondents comprised of 708 youth volunteers and 492 new-volunteer youth across Malaysia involved in this study. All data obtained were analyzed using SPSS software. The results of the study showed youth volunteerism profile namely demographic factors: gender, age, race, religion, marital status, place of birth, home state, residence, type of residence, employment status and academic level. Furthermore, the results of the study also show a reaction to current developments of volunteers contributing to their involvement with voluntary activities. These factors include the main reasons involved, the start-up time, the key areas of engagement, the voluntary target group of volunteering, the selection of volunteerism sector, the sources of awareness to engage and the sources of information to engage. The results of this study can contribute to assist responsible parties to plan strategies in order to attract more potential volunteers and streamline volunteer programs and activities in Malaysia.

Keywords: profiling, volunteer, youth, volunteerism, Malaysia

LATAR BELAKANG

Program dan aktiviti sukarela merupakan teras kepada pembangunan negara. Merujuk kepada salah satu bidang keutamaan dalam Dasar Belia Malaysia 2015, kerajaan telah mengerakkan modal insan terutamanya belia bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai aspek serta kemahiran berasaskan kecenderungan yang mereka miliki. Sebagai contoh, program *1Malaysia voluntourism* telah diperkenalkan pada September 2012 hingga Ogos 2015 dan sebanyak 272 aktiviti telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan seramai 87,473 sukarelawan, meliputi pelbagai peringkat umur yang majoritinya terdiri daripada kalangan belia .

Kemajuan negara amat bergantung kepada golongan belia kerana golongan ini membentuk hampir separuh daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia iaitu 46.5 peratus atau sejumlah 13 juta lebih berbanding jumlah penduduk 30 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Mereka bakal mencorak masa depan negara dalam bidang pendidikan, ekonomi, politik dan budaya Malaysia. Kemajuan negara amat bergantung kepada kemajuan belia. Oleh yang demikian modal insan belia harus disusun dengan cara yang terbaik.

Selaras dengan usaha kerajaan mempertingkatkan aktiviti sukarela khususnya memberi tumpuan kepada golongan belia, Dasar Belia Negara 2015 turut yang menuntut semangat kesukarelawan harus dipupuk dalam diri setiap rakyat khususnya golongan belia. Tindakan dan strategi negara telah disusun melalui perkongsian dalam pembangunan yang memberi tumpuan memupuk semangat kesukarelawan yang akan menjamin kesediaan untuk memberi dengan ikhlas demi kejayaan dan kebahagiaan bersama. Bagi golongan belia di institut pengajian tinggi pula, Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) membuka ruang kepada lebih 1.3 juta pelajar seluruh Malaysia untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawan, kemanusiaan dan solidariti di seluruh dunia dengan merekrut, melatih dan menghantar mahasiswa yang terpilih sebagai sukarelawan untuk berkhidmat kepada masyarakat. Terkini, usaha gigih badan kerajaan diteruskan lagi dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang telah menawarkan Program Kesukarelawan Mahasiswa iaitu ‘Volunteer to Institution’ (V2i) (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Pelaksanaan program V2i adalah lebih tersusun dengan bantuan modul kesukarelawan oleh JKM. Pelajar universiti akan dilatih terlebih dahulu sebelum diserap masuk ke dalam program V2i supaya sukarelawan mempunyai kemahiran yang relevan dengan kumpulan sasar berkaitan. Oleh yang demikian, profil bagi setiap sukarelawan amatlah diperlukan bagi memudahkan proses merekrut dan seterusnya membentuk sukarelawan itu sendiri .

Kajian tentang profil kesukarelawanan belia di Malaysia adalah langkah asas serta strategik dalam membina pangkalan data bagi tujuan mengenal pasti profil kesukarelawanan yang semakin bertambah. Ini adalah selaras dengan agenda kerajaan melalui Dasar Belia Malaysia yang menuntut semangat kesukarelawanan dipupuk dalam diri setiap rakyat khususnya golongan belia. Kajian mendapati faktor demografi seperti latar belakang keluarga, taraf ekonomi, kawasan tempat tinggal, umur, jantina, bidang pekerjaan, taraf pendidikan serta pendapatan sebagai penanda aras tahap penglibatan sukarelawan dalam aktiviti sukarela (Turiman *et al.*, 2011).

PERMASALAHAN KAJIAN

Profil dan penanda aras sukarelawan belia amat penting dalam proses pembangunan negara. Maklumat lengkap mengenai sukarelawan dapat membantu negara menyusun sumber tenaga manusia untuk setiap program dan aktiviti yang dijalankan. Walaupun sebahagian besar golongan belia mempunyai niat untuk menjadi sukarelawan dan belia memilih menjadi sukarelawan sebagai aktiviti yang perlu diceburi (Siti Raba'ah *et al.*, 2014; Turiman *et al.*, 2011) namun profil sukarelawan belia masih sukar diperoleh. Kekurangan maklumat mengenai profil sukarelawan telah mengakibatkan kelewatian sumbangan tenaga ketika bencana, kerugian sumber yang berharga dan bantuan tidak dapat disalurkan (Mohd Zulhafiz Said, Safarina Abdul Gapor dan Abd Malik Abd Aziz, 2013).

Hampir separuh daripada populasi penduduk di Malaysia dipelopori oleh golongan belia, di mana 51% daripada 31 juta rakyat Malaysia merupakan warganegara belia (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2015). Jumlah ini menunjukkan golongan belia merupakan aset penting negara yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan dasar-dasar negara dan perlu dibangunkan seiring dengan kemajuan fizikal, sosial, ekonomi dan sebagainya. Dasar Belia Negara (2015) menggariskan bidang keutamaan belia iaitu menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa menerusi jaringan kerjasama strategik pemegang taruh berdasarkan sembilan bidang keutamaan belia termasuklah bidang kesukarelawanan. Berikut adalah senarai sembilan (9) bidang tersebut: 1) Pendidikan dan latihan kemahiran; 2) Kenegaraan dan jati diri; 3) Gaya hidup sihat dan sejahtera; 4) Kepemimpinan; 5) Kesukarelawanan dan masyarakat sivil; 6) Keusahawanan; 7) Penyelidikan dan inovasi; 8) Profesionalisme kerja belia; dan 9) Pengiktirafan.

Bertepatan dengan Dasar Belia Negara dan keperluan negara ini, kajian mengenai profil dan penanda aras kesukarelawanan belia

perlu dilaksanakan dengan kadar segera. Proses penglibatan belia dalam kerja sukarela adalah sangat penting untuk perkembangan positif setiap masyarakat dan secara tidak langsung memberi kesan kepada bidang ekonomi, politik, moral dan lain-lain daripada realiti sosial. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik telah mengambil kira komponen demografi yang amat penting, iaitu berkaitan dengan umur, gender, bangsa, agama, religiositi, pendapatan, taraf akademik, aktiviti sukarela yang dilaksanakan, jangka masa terlibat, serta faktor positif kecenderungan sukarelawan belia. Hasil kajian ini dijangka dapat membantu Kementerian Belia dan Sukan dalam mengenal pasti keberadaan dan keterlihatan sukarelawan belia untuk merancang aktiviti yang melibatkan belia dalam program dan aktiviti kesukarelawan pada masa akan datang. Sebagai contoh, bagi setiap aktiviti kesukarelawan yang akan dijalankan pemilihan dan kecenderungan minat belia dapat ditentukan menurut profil serta ciri demografi hasil daripada kajian ini.

SOROTAN LITERATUR

Aktiviti sukarela di Malaysia semakin berkembang dan mendapat tempat dalam masyarakat. Kajian menunjukkan lebih 74.6 peratus golongan belia di Malaysia yang terlibat sebagai responden menyatakan mereka sedang terlibat dengan aktiviti serta program sukarela yang dijalankan (Turiman *et al.*, 2011). Hasil kajian ini menunjukkan sebahagian daripada masyarakat di Malaysia sedia terlibat dengan aktiviti sukarela.

Penglibatan masyarakat di Malaysia dalam aktiviti sukarela pada peringkat awal dipelopori oleh golongan dewasa berbanding golongan muda. Walau bagaimanapun, perkembangan terkini menunjukkan lebih ramai golongan muda yang terdiri daripada pelajar sekolah, kolej dan universiti yang terlibat dengan aktiviti sukarela sebagai contoh di sekolah rendah dengan persatuan pengakap, pandu puteri, pasukan St. John Ambulan, Bulan Sabit Merah dan lain-lain. Selain itu, beberapa program dan aktiviti sukarela turut diperkenalkan pada peringkat sekolah menengah seperti kadet remaja, puteri Islam, kadet bomba, kadet polis dan silat. (Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi dan Azimi Hamzah, 2014).

Kajian profil sukarelawan telah banyak dijalankan di luar negara seperti di Britain oleh Ward dan McKillop (2010) yang mendapati profil yang berbeza dalam kalangan sukarelawan dapat memenuhi tujuan program sukarela dengan menempatkan sukarelawan yang tepat. Kajian di Afrika pula mendapati profil demografi sukarelawan dapat membantu pengurusan program sukarela dalam mempromosi serta mendapatkan dana (Olivier, Davies, & Joubert, 2015). Profil demografi sukarelawan digunakan oleh pihak pengurusan seperti bidang kepakaran untuk dikategorikan dalam kumpulan yang tertentu bagi menjalankan misi mendapatkan dana untuk

program sukarela. Kajian profil sukarelawan oleh Mihai (2014) di Romania, mendapati faktor personal dan interpersonal yang disenaraikan dalam profil sukarelawan dapat menentukan tahap motivasi setiap sukarelawan dan ini telah membantu pihak penganjur dalam melaksanakan program sukarela dengan jayanya.

Kajian tentang motivasi individu untuk terlibat dalam aktiviti sukarela telah lama menjadi tarikan kepada ramai penyelidik. Sharififar *et al.* (2011) menjalankan kajian terhadap kesukarelawan dari aspek motivasi dan kaitannya dengan minat serta komitmen sukarelawan. Mereka mendapati dalam memupuk minat dan komitmen seseorang sukarelawan faktor motivasi adalah penting. Chacon *et al.* (2011) dan Geiser *et al.* (2014) pula mengkaji faktor motivasi dan hubungannya dengan pengambilan, pembahagian tugas dan latihan dalam sesebuah program kesukarelawan. Mereka mendapati bahawa motivasi penting dalam pengurusan program kesukarelawan dan akan berjaya sekiranya mempunyai strategi yang tepat. Kajian Siti Raba'ah *et al.*, (2014) juga menyokong bahawa tiga (3) faktor penyebab iaitu kepercayaan, motivasi dan niat merupakan faktor penolak kepada belia di Malaysia untuk terlibat dengan kerja sukarela.

Di Malaysia, kajian terhadap faktor yang menyumbang kepada penglibatan individu terhadap aktiviti sukarela mendapati elemen agama, sosialisasi, masyarakat, pengetahuan, pengalaman, personaliti, kerjaya, dasar dan sokongan merupakan teras serta pendorong kepada sukarelawan untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Selain itu, kajian juga mendapati faktor demografi seperti latar belakang keluarga, taraf ekonomi, kawasan tempat tinggal, umur, jantina, bidang pekerjaan, taraf pendidikan serta pendapatan sebagai penanda aras tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela (Turiman *et al.*, 2011).

Thapa (2001) pernah mengkaji pengaruh demografi seseorang sukarelawan dan dapatan kajian mendapati demografi mempunyai peranan besar dalam usaha pengambilan sukarelawan kerana mereka adalah bakal pendidik, penggubal dasar, perancang dan pentadbir. Kajian Mizan Adiliah (2004) pula membuktikan bahawa pengambilan pelatih bagi tujuan sukarelawan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) iaitu profil peserta yang terlibat, permasalahan pelatih dan perkembangan diri boleh mempengaruhi kejayaan semangat kesukarelawan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif diskriptif dengan reka bentuk irisan lintang. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengikuti beberapa prosedur untuk proses pengumpulan data kajian. Pengumpulan data bagi kajian ini ialah di semua negeri di Malaysia. Populasi kajian adalah kesemua ahli persatuan yang bernaung di bawah Majlis Belia Malaysia

yang terdiri daripada 39 buah persatuan dengan jumlah keahlian seramai 3 juta orang. Pengumpulan data dijalankan dari bulan Jun hingga Ogos 2016. Penyelidik menghubungi persatuan sukarelawan dan juga sukarelawan yang terlibat di setiap negeri bagi mendapatkan persetujuan untuk berkerjasama dalam pengumpulan data. Seterusnya penyelidik menyediakan surat kebenaran untuk menjalankan kajian di setiap negeri yang terlibat dengan bantuan Pegawai Belia dan Sukan. Penyediaan surat kebenaran ini bertujuan untuk mendapatkan kerjasama daripada responden untuk menjawab soal selidik kajian. Setelah mendapatkan tarikh dan masa untuk pengumpulan data di setiap negeri yang terlibat, proses mengutip data dijalankan melalui pengedaran soal selidik mengikut tarikh dan tempat yang ditetapkan. Penyelidik, pembantu penyelidik dan enumerator terlibat secara langsung semasa proses pengumpulan data. Populasi kajian ini adalah kumpulan sasaran belia (Dasar Belia Negara, 2015) iaitu belia bersekolah, belia pengajian tinggi, belia berkerjaya, perkumpulan belia iaitu belia berpersatuan dan belia massa di semua negeri di Malaysia. Jumlah sampel kajian ialah 1,200 responden seperti Jadual 1. Data telah dianalisis menggunakan perisian SPSS (versi 23). Penyelidik menerima pakai instrumen kajian yang di bangunkan oleh Siti Raba'ah *et al.*,(2016) iaitu Indeks Kesukarelawanan Belia Malaysia yang mempunyai 69 item. Kajian rintis telah dijalankan dengan melibatkan seramai 48 orang responden. Skala Altruism terdiri daripada 16 item ($\alpha = 0.935$), perjuangan sejagat terdiri daripada lapan (8) item ($\alpha = 0.840$), skala pembangunan kendiri terdiri daripada sembilan item ($\alpha = 0.900$), skala kecenderungan menderma terdiri daripada tujuh item ($\alpha = 0.904$), skala amalan nilai murni terdiri daripada 11 item ($\alpha = .930$) dan skala khidmat komuniti terdiri daripada 18 item ($\alpha = .930$). Secara keseluruhan, semua item dalam setiap instrumen telah jelas ditunjukkan sebagai boleh dipercayai dan stabil.

Jadual 1: Bilangan responden mengikut negeri

Negeri	Bil. Responden
Melaka	80
Pahang	80
Johor	81
Negeri Sembilan	80
Selangor	164
Pulau Pinang	97
Kedah	75
Perlis	33
Perak	40
Kelantan	22
Terengganu	145
Sabah	15

Sarawak	104
Wilayah Kuala Lumpur	140
Putrajaya	44
Jumlah	1200

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 2 menunjukkan taburan responden, iaitu: belia lelaki 47.9 peratus, belia perempuan 52.1 peratus, berumur dari 14 tahun sehingga 18 tahun 25.2 peratus, 19-23 tahun 50.5 peratus, 24-28 tahun 14.5 peratus, 29-33 tahun 6.2 peratus, 34-39 tahun 3.7 peratus. Berdasarkan profil umur belia kajian ini jelas menunjukkan penglibatan aktif dalam kerja sukarela adalah yang berumur 19 sehingga 23 tahun. Kajian ini mencakupi responden belia daripada pelbagai bangsa di Malaysia iaitu sebanyak 75.8 peratus adalah Melayu, bangsa Cina 13.3 peratus, bangsa India 6.9 peratus, Bumiputra Sarawak 2.0 peratus dan Bumiputra Sabah sebanyak 1.9 peratus. Dalam kajian ini majoriti responden beragama Islam (77.4%), Buddha (12.6%), Hindu (6.1%) dan hanya 3.8 peratus bagi agama Kristian.

Bagi status perkahwinan pula majoriti responden (84.8%) adalah bujang, sebanyak 15.3 peratus berkahwin. Sebanyak 43.2 peratus responden tinggal di bandar, 20.8 peratus tinggal di luar bandar dan 36 peratus tinggal di pinggir bandar. Bagi status pekerjaan pula, sebanyak 71.8 peratus responden adalah pelajar. Selebihnya adalah terdiri daripada golongan profesional (1.2 %), ahli perniagaan (2.3%), responden yang bekerja di bahagian teknikal (9.0%), responden yang bekerja sebagai staf sokongan (8.5%), dan selebihnya adalah suri rumah (0.8%) dan tidak bekerja (5.8%).

Dalam kajian ini, sebanyak 28.4 peratus responden yang terlibat dalam aktiviti sukarela memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda, diikuti dengan responden di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sebanyak 27.1 peratus. Responden kajian yang memiliki tahap pendidikan diperangkat Pasca Siswazah iaitu Doktor Falsafah 0.4 peratus dan peringkat Sarjana/*Master* 2.3 peratus. Responden yang memiliki Diploma 12.8 peratus, Sijil Tinggi Pengajian Malaysia 5.3 peratus dan peringkat sijil sebanyak 5.2 peratus.

Profil demografi sangat penting bagi menentukan kejayaan sesebuah persatuan sukarela. Maklumat seperti umur, jantina, tahap pendidikan, status perkahwinan, bangsa, agama, status pekerjaan dan tempat tinggal sukarelawan amat diperlukan oleh pemegang taruh antaranya bagi tujuan merekrut sukarelawan (Ward & McKillop, 2010). Hasil kajian juga menyokong kajian oleh Nazilah *et al.*, (2016) yang mendapat tahap

pendidikan dan jantina mempunyai hubungan yang signifikan dengan kerja sukarela. Profil ini juga diperlukan untuk menentukan bentuk latihan yang perlu sebagai persiapan menjadi sukarelawan. Selain itu maklumat seperti tempat tinggal sukarelawan dapat memastikan sumber tenaga bantuan dapat diterima dalam masa yang boleh dijangkakan apabila berhadapan dengan bencana seperti kebakaran, banjir dan sebagainya. Tahap pendidikan dan juga status pekerjaan juga dapat mempengaruhi kecekapan sukarelawan dalam menyampaikan khidmat nasihat kepada komuniti yang memerlukan. Dalam kajian ini majoriti responden adalah bujang, dan ini bertepatan dengan sasaran responden kajian iaitu belia yang berumur sekitar 15 hingga kurang 40 tahun.

Jadual 2: Profil Demografi Responden (n=1,200)

Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	575	47.9
Perempuan	625	52.1
Umur		
14-18 tahun	302	25.2
19-23 tahun	606	50.5
24-28 tahun	174	14.5
29-33 tahun	74	6.2
34-39 tahun	44	3.7
Bangsa		
Melayu	910	75.8
Cina	160	13.3
India	83	6.9
Bumiputra Sarawak	24	2.0
Bumiputra Sabah	23	1.9
Lain-lain	2	0.2
Agama		
Islam	929	77.4
Budha	151	12.6
Hindu	72	6.1
Kristian	45	3.8
Lain-lain	3	0.3
Status Perkahwinan		
Bujang	1017	84.8
Berkahwin	183	15.3
Tempat dibesarkan		
Bandar	480	40.0

Pinggir Bandar	88	7.3
Luar Bandar	632	52.6
Negeri asal		
Perlis	20	1.7
Kedah	141	11.8
Perak	84	7.0
Selangor	94	7.8
Negeri Sembilan	81	6.8
Melaka	62	5.2
Johor	128	10.7
Kelantan	79	6.6
Terengganu	151	12.6
Kuala Lumpur	77	6.4
Sabah	39	3.3
Sarawak	98	8.2
Pahang	96	8.0
Pulau Pinang	50	4.2
Tempat tinggal sekarang		
Bandar	518	43.2
Luar Bandar	249	20.8
Pinggir Bandar	433	36.0
Status pekerjaan		
Profesional	14	1.2
Perniagaan	27	2.3
Teknikal	110	9.0
Sokongan	102	8.5
Petani/peladang/ nelayan	8	0.7
Tidak bekerja	69	5.8
Suri rumah	10	0.8
Pelajar	862	71.9
Pencapaian akademik tertinggi		
PH.D	5	0.4
Sarjana/Master	27	2.3
Ijazah Sarjana Muda	341	28.4
Diploma	153	12.8
STPM	63	5.3
Sijil	62	5.2
SPM/MCE	325	27.1
PMR/SRP/LCE	203	16.9

UPSR/Darjah 6	12	1.0
Tidak Bersekolah	5	0.4
Lain-lain	4	0.3

Jadual 3 menunjukkan taburan responden dalam kajian yang terbahagi kepada dua iaitu sukarelawan dan sukarelawan baru. Responden yang menjadi sukarelawan ialah sebanyak 59.0 peratus dan responden yang terdiri daripada sukarelawan baru sebanyak 41.0 peratus.

Jadual 3: Taburan Responden Sukarelawan dan Sukarelawan Baharu (n=1,200)

Responden	(n)	(%)
Sukarelawan	708	59.0
Sukarelawan baharu	492	41.0
Jumlah	1200	100

Jadual 4 menerangkan sebab utama bagi responden sukarelawan (tidak termasuk sukarelawan baharu) untuk terlibat dalam kerja sukarela. Majoriti responden terlibat dalam kerja sukarela dengan inisiatif sendiri iaitu sebanyak 71.5 peratus. Seterusnya sebanyak 14.1 peratus terlibat dalam kerja sukarela dengan mendapat arahan dari organisasi, sebanyak 9.6 peratus melalui aktiviti di sekolah dan 4.8 peratus daripada responden sukarelawan terlibat dalam kerja sukarela melalui cadangan daripada kawan atau saudara. Berdasarkan hasil dapatan ini, dapat di rumuskan bahawa belia Malaysia mempunyai keprihatinan yang tinggi kerana mereka mengambil inisiatif sendiri untuk terlibat dengan kerja sukarela tanpa paksaan mana-mana pihak.

Jadual 4: Sebab utama terlibat dalam kerja sukarela (n=708)

Sebab Utama Terlibat	Kekerapan	Peratus
Inisiatif sendiri	506	71.50
Arahan dari organisasi	100	14.10
Cadangan dari kawan/saudara	34	4.8
Aktiviti di sekolah	68	9.6

Jadual 5 dibawah memberikan analisis dapatan kajian yang jelas bahawa permulaan penglibatan dengan kerja sukarela bagi sukarelawan belia Malaysia ialah bermula semasa di sekolah menengah dengan peratusan sebanyak 68.8 peratus. Manakala sebanyak 23.3 peratus responden sukarelawan juga mula terlibat dengan kerja sukarela semasa di IPT, semasa bekerja sambilan 4.5 peratus, semasa bekerja tetap 2.5 peratus dan hanya 0.9 peratus semasa di rumah membesarakan anak-anak. Hal ini jelas menunjukkan pendedahan awal terhadap penglibatan kerja sukarela telah diterapkan semasa di peringkat sekolah dan IPT melalui modul atau

kokurikulum yang dilaksanakan. Usaha kerajaan dalam menggariskan kesukarelawanan sebagai salah satu bidang keutamaan belia dalam Dasar Belia Negara (2015) telah dapat dibuktikan melalui kajian ini. Sebanyak 92 peratus sukarelawan belia dalam kajian ini mula terlibat dengan kerja sukarela semasa masna di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Golongan ini juga merupakan golongan sasaran Dasar Belia Malaysia iaitu belia yang berumur 15 hingga 40 tahun.

Jadual 5: Mula terlibat dengan kerja sukarela (n=708)

Mula terlibat	Kekerapan	Peratus
Di rumah membesar anak-anak	6	0.9
Semasa kerja sambilan	32	4.5
Semasa kerja tetap	18	2.5
Semasa sekolah	487	68.8
Semasa di IPT	165	23.3

Jadual 6 pula menunjukkan taburan responden sukarelawan mengikut bidang penglibatan dalam kerja sukarela. Responden dibenarkan menjawab lebih daripada satu pilihan. Sebanyak 61 peratus responden sukarelawan terlibat dalam bidang khidmat sosial dan 58.8 peratus bagi bidang belia. Manakala aktivis merupakan bidang penglibatan paling sedikit dalam kerja sukarela dengan nilai 15.5 peratus. Ini menunjukkan belia mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap aktiviti yang mendekatkan diri mereka dengan khidmat sosial bersama masyarakat dan bertepatan dengan tujuan utama kerja sukarela di Malaysia adalah membantu insan yang memerlukan bagi pembinaan sebuah masyarakat yang stabil, harmoni dan bersatu padu (Azizan Bahari, 2013).

Jadual 6: Bidang utama penglibatan dalam kerja sukarela (n=708)

Bidang utama penglibatan	Kekerapan	Peratus
Belia	416	58.80
Kesihatan	156	22.00
Persekutuan	228	32.20
Pendidikan	240	33.90
Kesedaran sivik	131	18.50
Komuniti	282	39.80
Agama	168	23.70
Khidmat sosial	432	61.00
Aktivis	110	15.50
Haiwan	124	17.50

Jadual 7 menunjukkan dapatan hasil kajian bagi kumpulan sasaran kerja sukarela. Responden dibenarkan menjawab lebih daripada

satu pilihan. Sebanyak 75.7 peratus responden memilih komuniti sebagai kumpulan sasaran untuk terlibat dalam kerja sukarela mereka. Skor pilihan untuk kumpulan sasaran kanak-kanak sebanyak 57.1 peratus, orang tua 54.2 peratus, orang miskin 50.0 peratus dan orang kurang upaya sebanyak 45.5 peratus. Secara keseluruhannya semua peringkat dalam komuniti mendapat perhatian daripada sukarelawan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menyokong konsep sukarelawan oleh Musick dan Wilson (2003) yang ditafsirkan sebagai individu yang istimewa iaitu ikhlas berkhidmat untuk masyarakat atau kemanusiaan bagi membantu dan meringankan beban mereka seperti kumpulan sasaran yang telah disenaraikan dalam kajian ini.

Jadual 7: Kumpulan sasaran kerja sukarela (n=708)

Kumpulan sasaran	Kekerapan	Peratus
Orang tua	384	54.20
Kanak-kanak	404	57.10
Orang kurang upaya (OKU)	322	45.50
Komuniti	536	75.70
Orang miskin	354	50.00

Jadual 8 menunjukkan pilihan sektor dalam dan luar negara untuk terlibat dalam kerja sukarela. Responden dibenarkan menjawab lebih daripada satu (1) pilihan. Sukan merupakan pilihan sektor tertinggi penglibatan sukarelawan belia dalam kerja sukarela di dalam dan luar negara dengan peratusan 59.2 peratus dan 51.4 peratus masing-masing. Manakala khidmat sosial di kedudukan kedua tertinggi dengan peratusan sebanyak 56.5 peratus dan 44.4 peratus di dalam dan di luar negara. Manakala sektor sivik adalah pilihan yang paling sedikit bagi penglibatan sukarelawan di luar negara (6.0%) dan di dalam negara pula aktivis adalah pilihan yang terendah dengan nilai 17.9 peratus. Dapatan kajian menunjukkan pemilihan sektor kesukarelawan agak banyak dan mendapat penyertaan daripada responden kajian ini. Dapatan ini memberikan satu petunjuk kepada badan serta persatuan sukarela untuk untuk mempelbagaikan aktiviti atau program yang boleh membantu faktor tarikan dan tolakan bakal sukarelawan untuk menyertai badan atau persatuan mereka. Dapatan kajian ini juga dapat membantu sukarelawan membuat pilihan yang sesuai dan tepat bagi menjamin penglibatan mereka dalam kerja sukarela.

Jadual 8: Pemilihan sektor kesukarelawan dalam dan luar negara (n=708)

Sektor kesukarelawan	Dalam Negara		Luar Negara	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Seni/Budaya	241	34.00	307	43.40
Sivik	157	22.20	45	6.40

Organisasi belia	292	41.20	222	31.40
Persekutaran	214	30.20	157	22.20
Sukan	419	59.20	364	51.40
Kesihatan	207	29.20	207	29.20
Pendidikan	250	35.30	169	23.90
Pertubuhan agama	189	26.70	127	17.90
Komuniti	259	36.60	169	23.90
Khidmat sosial	400	56.50	314	44.40
Aktivis	127	17.90	113	16.00

Jadual 9 menunjukkan sumber yang memberi kesedaran kepada penglibatan dalam kerja sukarela. Sebanyak 55.5 peratus daripada responden sukarelawan mendapat kesedaran untuk terlibat dengan aktiviti sukarela melalui kawan atau saudara, sebanyak 25.3 peratus melalui iklan di televisyen dan sebanyak 8.50 peratus melalui berita di televisyen. Jelas di sini rakan dan saudara memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan dan menyebarkan aktiviti kerja sukarela.

Jadual 9: Sumber kesedaran untuk terlibat dalam kerja sukarela (n=708)

Sumber kesedaran	Kekerapan	Peratus
Iklan di televisyen	179	25.30
Berita di televisyen	60	8.50
Iklan di surat khabar	33	4.70
Berita di radio	5	0.70
Melalui kawan atau saudara	393	55.50

Jadual 10 pula menunjukkan sumber maklumat untuk terlibat dalam kerja sukarela. Hasil dapatan kajian menunjukkan badan komuniti merupakan sumber maklumat utama kerja sukarela dengan peratusan sebanyak 34.3 peratus diikuti dengan media massa sebanyak 27.7 peratus, internet sebanyak 20.3 peratus, persatuan sukarela sebanyak 13.4 peratus dan hanya 3.4 peratus sahaja sumber maklumat daripada organisasi agama. Dapatan kajian adalah selari dengan tujuan utama aktiviti sukarela iaitu membantu komuniti dan badan komuniti tersebut perlu aktif menyebarkan maklumat tentang keperluan sukarelawan bagi membantu mereka. Sumber maklumat daripada badan komuniti juga merupakan yang terbaik dan mengelakkan maklumat palsu serta yang berkaitan.

Jadual 10: Sumber maklumat untuk terlibat dalam kerja sukarela (n=708)

Sumber maklumat	Kekerapan	Peratus
Badan komuniti	243	34.3
Media massa	196	27.7
Persatuan sukarelawan	95	13.4
Internet	144	20.3
Organisasi agama	24	3.4

PERBINCANGAN

Umumnya kajian ini bertujuan untuk membangunkan profil dan mengenal pasti ciri-demografi sukarelawan belia di Malaysia. Sukarelawan belia yang terlibat dalam kajian ini, secara keseluruhannya memberikan sebab utama mereka terlibat dengan kerja sukarela kerana inisiatif mereka sendiri. Dapatan kajian adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Hamzah *et al.*, (2016) dan Ismail *et al.*, (2014) yang mendapati adalah menjadi satu keperluan kepada diri sendiri untuk terlibat dengan kerja sukarela. Sebahagian besar sukarelawan belia di Malaysia menyatakan mereka terlibat dengan aktiviti sukarela semenjak di bangku sekolah. Dapatan ini secara jelas menunjukkan dasar kerajaan untuk menyemai semangat kesukarelawan semasa masih remaja telah dibuktikan sehingga ke peringkat belia. Faktor lain yang menyumbang kepada penglibatan belia dalam kerja sukarela ialah faedah yang diperolehi oleh mereka seperti mempelajari kemahiran baharu, mendapat kawan baharu, dapat menambah aktiviti dalam resume dan juga membantu komuniti yang memerlukan (Storr & Apaaij, 2017; Clary *et al.*, 1998).

Responden kajian menyatakan tumpuan mereka yang utama adalah rakan sebaya iaitu belia. Dapatan kajian ini dapat dikaitkan dengan pengaruh rakan sebaya. Menurut Armsden dan Greenberg (1987) pengaruh rakan sebaya mampu menjadi faktor menolak atau menarik untuk mereka dalam kebanyakan aktiviti yang dijalankan termasuklah dalam kerja sukarela. Dalam kajian ini majoriti sukarelawan belia memilih komuniti sebagai kumpulan sasar mereka untuk berkhidmat. Dapatan ini amat sesuai dengan senario kerja sukarela yang bertujuan membantu komuniti yang memerlukan bantuan (Azizan, 2013).

Sukarelawan belia dalam kajian ini menunjukkan mereka berminat untuk melaksanakan kerja sukarela di dalam dan luar negara. Namun begitu, mereka memilih dua (2) bidang utama iaitu sukan dan juga khidmat komuniti. Dapatan ini adalah selari dengan usaha Kementerian Belia dan Sukan yang membuat promosi secara talian kepada semua belia untuk menjadi sukarelawan sukan diperingkat dalam negara serta di luar negara. Sambutan sukarelawan belia amat menggalakkan. Begitu juga dengan

tawaran untuk menjadi sukarelawan untuk komuniti seperti menyertai Komuniti Sukarelawan Belia 1 Malaysia (MyVOC) anjuran Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan (Majlis Belia Malaysia, 2015)

Dapatan kajian juga menunjukkan sumber kesedaran yang utama menjadi sebab responden terlibat sebagai sukarelawan belia ialah melalui pengaruh kawan dan saudara mara yang terlebih dahulu menjadi sukarelawan. Oleh yang demikian, berdasarkan hasil kajian ini boleh mencadangkan pengaruh agen sosialisasi belia (Bronfenbrenner, 1989) iaitu kawan dan saudara merupakan sumber faktor pendorong kepada penglibatan belia sebagai sukarelawan. Sukarelawan belia juga menyatakan mereka memperolehi sumber maklumat mengenai program atau aktiviti kerja sukarela daripada badan komuniti. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Shapie *et al.*, (2017) yang mendapati peranan pemimpin tempatan adalah amat penting dalam menggalakkan penglibatan golongan belia menjayakan aktiviti pembangunan komuniti. Melalui komunikasi yang berkesan pemimpin tempatan yang mewakili komuniti dapat mempengaruhi sukarelawan belia untuk terlibat dengan sebahagian besar program dan aktiviti yang dijalankan. Hasil kajian juga telah mendapati media massa dan internet turut menjadi faktor penarik belia untuk terlibat dengan kerja sukarela. Menurut Ibrahim (2017) peranan media sosial seperti *Facebook* telah menjadi rujukan penting kerana memaparkan maklumat lengkap mengenai sesuatu program sukarela seperti lokasi, tarikh, peserta, aktiviti yang akan dijalankan serta masa yang tercatat dengan jelas. Selain itu, peranan media sosial dalam memberikan pengiktirafan kepada sukarelawan belia turut menjadi sumber galakan yang berkesan untuk mereka terus memberikan khidmat sukarela.

IMPLIKASI KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk membangunkan profil dan mengenalpasti ciri-ciri demografi sukarelawan belia di Malaysia. Hasil kajian ini telah mengenal pasti profil sukarelawan Malaysia yang semestinya dapat memperkayakan lagi pengetahuan serta maklumat terkini mengenai sukarelawan. Kajian ini telah dapat membentangkan sebab utama terlibat dalam kerja sukarela, detik mula terlibat, bidang utama penglibatan dengan kerja sukarela, kumpulan sasaran kerja sukarela, pemilihan sektor kesukarelawanan peringkat dalam dan luar negara, sumber kesedaran untuk terlibat dengan kerja sukarela dan sumber maklumat untuk terlibat dengan kerja sukarela. Kesemua dapatan adalah hasil daripada kajian empirik yang boleh dijadikan sebagai asas kepada kajian yang akan datang bagi menambahbaik bidang kesukarelawanan di Malaysia. Hasil kajian juga dapat memberikan maklumat tambahan kepada penyelidik, sukarelawan serta badan sukarelawan untuk mempermaksa lagi kerja sukarela berdasarkan profil sukarelawan.

Hasil kajian ini telah mengenal pasti ciri-ciri demografi sukarelawan yang amat diperlukan oleh pihak pengangur program serta aktiviti sukarela. Secara praktis, proses merekrut serta melatih sukarelawan menjadi lebih mudah, memenuhi keperluan pihak pengangur serta dapat dilaksanakan dengan lebih lancar. Maklumat mengenai profil dan ciri demografi sukarelawan ini diharapkan dapat menambah maklumat data raya (*Big data*) untuk Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan jelas menunjukkan bahawa profil sukarelawan amat diperlukan bagi mengatur dan menyusun aktiviti serta program sukarela dengan lebih baik. Dapatkan kajian menunjukkan faktor demografi seperti umur, jantina, tahap pendidikan, status perkahwinan, bangsa, agama, status pekerjaan dan tempat tinggal sukarelawan adalah profil asas untuk pemegang taruh serta pengangur program sukarela. Profil mengenai sebab utama terlibat dalam kerja sukarela iaitu inisiatif sendiri menunjukkan belia di Malaysia sedar bahawa penglibatan mereka dengan kerja sukarela dan menjadi sukarelawan. Dapatkan kajian juga membuktikan usaha kerajaan menggalakan penyertaan belia terlibat dengan kerja sukarela seawal di sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan majoriti 92 peratus responden kajian berbuat demikian. Kajian juga menunjukkan khidmat sosial adalah pilihan sektor kesukarelawan yang mendapat penyertaan tertinggi di dalam dan di luar negeri. Manakala, sumber yang memberikan kesedaran kepada sukarelawan untuk terlibat dengan kerja sukarela adalah melalui kawan dan saudara, justeru sumber maklumat yang utama adalah daripada badan komuniti yang memerlukan khidmat sosial daripada sukarelawan.

Kajian profil sukarelawan belia Malaysia adalah sangat penting. Dapatkan kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber maklumat kepada sukarelawan, bakal sukarelawan, persatuan sukarela, pemegang taruh, pengangur dan juga badan yang berkaitan.

Kajian ini hanya memberi fokus kepada enam (6) bidang untuk profil dan lapan (8) ciri demografi sukarelawan. Cadangan kajian yang akan datang ialah meneliti program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh sukarelawan belia di Malaysia. Kajian juga boleh diperluaskan kepada mengenal pasti peranan yang dijalankan oleh sukarelawan belia di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghargaan sepenuhnya kepada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) di atas sokongan dan pemberian geran penyelidikan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- Armsden, G. C., & Greenberg, M. T. (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *Journal of youth and adolescence*, 16(5), 427-454.
- Azizan Bahari. (2013). Bekerja dengan komuniti. Kangar: Pustaka Qarya.
- Bronfenbrenner, U. (1989). Ecological systems theory. In R. Vasta (Eds), Six theories of child development: Revised formulations and current issues. 187-250. Greenwich: JAI Press.
- Chacon F, Perez T, Flores J, Vecina L. M. (2011). Motives for volunteering: categorization of volunteers' motivations using open-ended questions. *Psychology in Spain*, 15(1), 48-56
- Cnaan, R. A., & Goldberg-Glen, R. S. (1991). Measuring motivations to volunteer in human services. *Journal of applied behavioral science*, 27, 269-284.
- Clary, E. G., Snyder, M., Ridge, R., Copeland, J., Stukas, A.A., Haugen, J., & Miene, P. (1998). Understanding and assessing the motivation of volunteers: A functional approach. *Journal of personality and social psychology*, 74, 1516-1530.
- Dasar Belia Malaysia. (2015). Muat turun daripada file:///C:/Users/Siti%20Rabaah/Downloads/DasarBeliaMalaysia_BM%20(2).pdf.
- Geiser, C. H., Okun, M. A., Grano, C. (2014). *Who is motivated to volunteer? a latent profile analysis linking volunteer motivation to frequency of volunteering*. Psychological test and assessment modeling, 56(1), 3-24.
- Hamzah, S. R. A., Suandi, T., Shah, J. A., Ismail, I. A., & Hamzah, A. (2016). Understanding the reasons for Malaysian youth participation in volunteering activities. *Athens Journal of social sciences*, 3(1), 39-51.
- Ibrahim, M. Y. (2017). Pengaruh amalan komunikasi terhadap penglibatan belia dalam kesukarelawanan (The influence of communication practices on youth's participation in volunteerism). *Geografi-Malaysian journal of society and space*, 13(4).
- Ismail, S., Samat, N. A., Parnabas, V., Abdullah, N. M., & Hamid, N. A.

- .(2014). *Youth Volunteerism In Chow kit, Malaysia: Factors of Involvement.* In International Conference on Global Trends in Academic Research. Kuala Lumpur (pp. 2-3).
- Jabatan Perangkaan Malaysia .(2015). *Statistik Kependudukan Malaysia 2015.*
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat .(2015). Perangkaan Wanita, Keluarga & Masyarakat. Muat turun daripada MALAYSIAhttps://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Penerbitan/Buku%20statistik/BUKU20STATISTIK20 2015 %20 KPWM.pdf.
- Mihai, E. C. (2014). The Motivation of Romanian Volunteers: values and implications. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 127, 616-620.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim .(2004). Kajian inventori penyelidikan pembangunan sosial di Malaysia 2001-2005. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Zulhafiz Said, Salfarina Abdul Gapor, Mohd Nazri Samian, Abd Malik Abd Aziz .(2013). Konflik di Pusat Pemindahan Banjir: kajian kes di Daerah Padang Terap, Kedah. *Geografia: Malaysian journal of society and space*, 9(1), 69-78.
- Music, M, & Wilson, J. (2003). Volunteering and depression: The role of psychological and social resources in different age groups. *Social science and medicine*. 56(2), 259-269.
- Nazilah, A., Rozmi, I., & Fauziah, I. .(2016). *The influence of demographic, motivation, satisfaction and situational factor on organizational commitment among college student volunteers.* Advanced science letters, 22(5-6), 1564-1567.
- Olivier, C. A. R. O. L. Ђ., Davies, S. E., & Joubert, E. T. I. E. N. N. E. (2015). Profiling volunteer tourists for the benefit of host organisations: The case of a seabird rehabilitation centre in the Western Cape, South Africa. *African journal for physical health education, recreation and dance*, 21(Supplement 2), 88-98.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi dan Azimi Hamzah. (2014). Kepercayaan, Motivasi dan Niat Sukarelawan Belia terhadap Aktiviti Sukarela di Malaysia. *Malaysian Journal Of Youth Studies*. 10. (ISSN – 2180-1649).

Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Jasmin Arif Shah, Ismi Arif Ismail and Azimi Hamzah, (2014). Understanding the Reasons for Malaysian Youth Participation in Volunteering Activities. *Athens Journal Of Social Science*, 2(2).

Shapie, F., Zubir, H., Saifuddin, S., Baharim, S., Baharim, S., & Saad, S. (2017). Peranan pemimpin pendapat dalam menggalakkan penglibatan belia menjayakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di kampung Hulu Chuchoh, Sepang. e-Bangi, 14(6).

Sharififar F, Jamalian Z, Nikbakhsh R, Ramezani ZN (2011) Influence of social factors and motives on commitment of sport events volunteers. World academy of science, engineering and technology, 77, 1078-1082.

Storr, R., & Spaaij, R. (2017). 'I guess it's kind of elitist': the formation and mobilisation of cultural, social and physical capital in youth sport volunteering. *Journal of youth studies*, 20(4), 487-502.

Turiman Suandi, Siti Rabaah Hamzah, Wan Mahzom Ahmad Shah, Mohd Rezal Hamzah, Azizan Bahari, Ismail Ali, Wan Ibrahim Wan Ismail, Mohd Hafizi Ismail. (2011). Determinants of student volunteering in Malaysian Public Universities. *International Conference on Youth Development 2011*, Palm Garden, Putrajaya. 1st-3rd November 2011.

Thapa, B. (2001). *Environmental concern: A comparative analysis between students in recreation and park management and other departments*. Environmental education research, 7(1), 39-53.

Ward, A. M., & McKillop, D. G. (2010). *Profiling: A strategy for successful volunteer recruitment in credit unions*. Financial accountability & management, 26(4), 367-391.

Profil Penulis:

Siti Raba'ah Hamzah, PhD

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia*

Turiman Suandi, PhD

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia*

Siti Nur Syuhada Musa

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia*